

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH AHMAD HAJI BADAWI**  
**DI MAJLIS PELANCARAN AKHBAR KOSMO TERBITAN UTUSAN MELAYU**  
**(MALAYSIA) BERHAD, DI SRI UTUSAN AT BANDAR BARU BANGI,**  
**30 OGOS 2004**

-----

YANG BERBAHAGIA TAN SRI MOHAMED HASHIM AHMAD MAKARUDDIN  
PENGERUSI EKSEKUTIF, UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD

YANG BERUSAHA ENCIK MOHD NASIR ALI  
PENGARAH EKSEKUTIF KUMPULAN, UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD

YANG BERBAHAGIA DATUK KHALID MOHD  
KETUA PENGARANG KUMPULAN UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD

DIF DIF KEHORMAT

PARA HADIRIN SEKALIAN,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATU.

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH TAALA KERANA DENGAN LIMPAN KURNIANYA, DAPAT KITA HADIR SAMA-SAMA PADA PETANG YANG MULIA INI. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK UTUSAN MALAYSIA KERANA MENJEMPUT SAYA UNTUK MELANCARKAN SATU LAGI PRODUK TERBARUNYA, IAITU AKHBAR TABLOID YANG DINAMAKAN KOSMO. NAMPAKNYA SYARIKAT-SYARIKAT AKHBAR HARI INI PERCAYA BAHAWA SAIZ TABLOID MENJADI PILIHAN GENERASI MASA KINI.

2. SEMEMANGNYA, INDUSTRI AKHBAR YANG SUDAH BERTAPAK SEJAK ZAMAN SEBELUM KEMERDEKAAN, KINI SEMAKIN POPULAR DAN MENJADI WADAH UTAMA RAKYAT UNTUK MERISIK KHBAR ATAU MENDAPATKAN MAKLUMAT. DARI "BROADSHEET" HINGGALAH KE TABLOID, PASARAN AKHBAR DI NEGARA INI TUMBUH BEGITU PANTAS SEKALI. AKHBAR TERUS MENDAPAT TEMPAT DI HATI SETIAP LAPISAN MASYARAKAT, BIARPUN SUATU KETIKA DULU TIMBUL TANGGAPAN BAHAWA SURAT KHBAR AKAN MENJADI KURANG PENTING DENGAN KEMUNCULAN TEKNOLOGI MAKLUMAT. TERNYATA, TANGGAPAN ITU TIDAKLAH BEGITU TEPAT KERANA WALAUPUN MUNCULNYA INTERNET YANG MELIMPAN DENGAN SEMUA JENIS MAKLUMAT, MASYARAKAT MASIH TERUS MEMILIH SURATKHBAR SEBAGAI SALAH SATU PERANTARA UTAMA DAN SUMBER MAKLUMAT MEREKA.

3. TIDAK LENGKAP RASANYA HARI JIKA KITA TIDAK BERSARAPAN SAMBIL MENATAP DADA AKHBAR, SEBELUM KITA MEMULAKAN SEBARANG TUGAS SEHARIAN KITA. SETIAP HARI, KITA SENTIASA DAHAGAKAN PERISTIWA-PERISTIWA YANG BERLAKU DI SEKITAR KITA ATAU DI SERATA DUNIA. KITA INGIN MENGETAHUI APA YANG TERJADI, BAIK MENGENAI SENARIO POLITIK, KEJADIAN JENAYAH, POLISI DAN DASAR-DASAR KERAJAAN, PASARAN SAHAM, ATAU MUNGKIN JUGA BERITA

HIBURAN. SURAT KHABAR TERUS DIMINATI DAN MEMPUNYAI PENGARUH YANG BESAR KEPADA SELURUH MASYARAKAT.

SAUDARA SAUDARI SEKELIAN,

4. PEPATAH LAMA ADA MENYEBUT: "MATA PENA ADALAH LEBIH TAJAM DARIPADA MATA PEDANG". BETAPA HALUS DAN BERMAKNANYA KATA-KATA INI. KALAU DULU, HANYA MATA PENA YANG MENJADI ALAT BAGI MANUSIA UNTUK MEREKOD KEJADIAN ATAU MELUAHKAN BUAH FIKIRANNYA KE DALAM BENTUK RAKAMAN. NAMUN, DENGAN PERUBAHAN TEKNOLOGI MASA KINI, SEGALA-GALANYA DAPAT DILAKUKAN MELALUI PELBAGAI PERANTARA YANG DIGELAR MEDIA MASSA.

5. MEDIA MASSA TIDAK KIRA MEDIA CETAK ATAU ELEKTRONIK, MERUPAKAN SATU MEDUM PENTING DALAM MEMBANGUNKAN SEBUAH NEGARA. IA BUKAN SEKADAR SUMBER AKLUMAT YANG AMAT PENTING TETAPI MENJADI PENGHUBUNG ANTARA PEMERINTAH DENGAN RAKYAT . KUASA MEDIA SESUNGGUHNYA AMAT BESAR TERUTAMA DALAM MENDIDIK ANAK BANGSA.

6. MENYEDARI HAKIKAT INILAH, KERAJAAN SENTIASA MENGHARGAI PERANAN DAN SUMBANGAN MEDIA MASSA SEBAGAI PENYALUR MAKLUMAT KEPADA MASYARAKAT. MEDIA TELAH BANYAK MEMBERI PENGARUHNYA DALAM MEMBENTUK NEGARA DAN MASYARAKAT YANG KITA MILIKI HARI INI. MEDIA JUGA TELAH BERGERAK SAMA-SAMA DALAM USAHA KITA MENCAPAI PEMBANGUNAN DAN KEJAYAAN NEGARA. TANPA USAHA PIHAK MEDIA, KERAJAAN SEDAR BAHAWA USAHA MEMBAWA NEGARA KE ARAH YANG LEBIH CEMERLANG AKAN MENJADI SUKAR. TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN KEPADA PIHAK MEDIA MASSA.

SAUDARA SAUDARI SEKELIAN,

7. ALHAMDULLILAH, KITA KINI HIDUP DALAM SUASANA YANG BEBAS DAN AMAN, DI MANA MASYARAKAT RATA-RATA MEMPUNYAI HAK UNTUK MEMILIH. KITA MEMPUNYAI PELUANG UNTUK MEMILIH APA JUGA BENTUK MAKLUMAT YANG KITA INGINI. MAKA TIDAK HAIRANLAH, JIKA MEDIA ADA KALANYA DIJADIKAN SEBAGAI CERMIN KEPADA SESEBUAH MASYARAKAT DAN NEGARA. KITA DAPAT MENYELAMI HATI BUDI RAKYAT ATAU SISTEM SOSIO-EKONOMINYA DENGAN MENILAI KANDUNGAN SURATKHABARNYA.

8. SEHUBUNGAN ITU, KERAJAAN SEDAR AKAN KEPERLUAN PIHAK MEDIA UNTUK Mencari Kumpulan Sasarannya dalam menghasilkan apa juga bentuk produk, baik suratkhabar atau program di kaca televisyen. KERAJAAN JUGA MEMAHAMI AKAN PERSAINGAN HEBAT YANG WUJUD DALAM INDUSTRI INI. SETIAP MEDIA KINI BERLUMBA-LUMBA UNTUK Mencari sesuatu kelainan hanya untuk menarik perhatian masyarakat umum dan pembaca.

9. SEMEMANGNYA, PERSAINGAN BEGINI MENUNJUKKAN BETAPA INDUSTRI MEDIA MASSA TELAH BERKEMBANG PESAT SETARAF DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA. BAGAIMANAPUN, ADALAH AMAT MENDUKACITAKAN APABILA PERSAINGAN INI TELAH MENYEBABKAN ADA PIHAK YANG MULA MENGABAIKAN TANGGUNGJAWABNYA KEPADA MASYARAKAT HANYA SEMATA-MATA UNTUK MENGAUT KEUNTUNGAN.

10. ADA PIHAK KINI DENGAN SEWENANG-WENANGNYA MENULIS PELBAGAI FITNAH ATAU DAKWAAN YANG TIDAK BERASAS MENGENAI SESIAPA JUGA YANG MUNGKIN TIDAK DISENANGINYA. MEREKA JUGA YANG KONONNYA MENGUTAMAKAN KEBEBASAN YANG DILAUNGGAN SEBAGAI "FREEDOM OF PRESS", MENULIS UNTUK KEPUASAN PERIBADI. DI MANAKAH LETAKNYA INTEGRITI SESEORANG PENULIS JIKA TULISAN YANG CUBA DIPAPARKAN BUKAN BERTUJUAN UNTUK MENDIDIK MASYARAKAT TETAPI SEKADAR MERACUNI FIKIRAN ORANG RAMAI DENGAN PELBAGAI DAKYAHNYA?. DI MANAKAH LETAKNYA TANGGUNGJAWAB SEORANG PENULIS JIKA MEDIA DIJADIKAN SEBAGAI ALAT UNTUK MELEPASKAN GERAM ATAU DENDAMNYA?.

11. SAYA JUGA SEDIH KERANA ADA KALANYA PERSAINGAN DALAM INDUSTRI MEDIA INI TURUT MENDORONG KEPADA LIPUTAN DAN PAPARAN YANG BERLEBIHAN TERHADAP BERITA-BERITA YANG BERUNSURKAN SEKS ATAU JENYAH. IMEJ YANG SERONG DAN TIDAK ADIL INI BOLEH MENANAM TANGGAPAN YANG SALAH KEPADA DUNIA LUAR. KEMUNGKINAN JUGA IA BOLEH MENIMBULKAN KEBIMBANGAN YANG PALSU DI KALANGAN RAKYAT SENDIRI.

12. SEBENARNYA, BUKAN HASRAT SESIAPA UNTUK MENYEKAT SALURAN MAKLUMAT, TIDAK KIRA BERITA BAIK ATAU BURUK, BAGI PAPARAN MASYARAKAT. NAMUN, MAKLUMAT YANG DISIARKAN INI MESTILAH BERDASARKAN FAKTA YANG TEPAT DAN TIDAK PULA DISENSASIKAN. KEBEBASAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB HANYA AKAN MENCETUSKAN KEBINASAAN MASYARAKAT DAN SETERUSNYA NEGARA.

13. DALAM HUBUNGAN INI, SAYA YAKIN DAN AMAT BERHARAP AGAR MEDIA DI MALAYSIA SENTIASA MENJUNJUNG PRINSIP TANGGUNGJAWAB DEMI KEPENTINGAN BANGSA DAN NEGARA. JANGAN HANYA KERANA NILAI-NILAI KOMERSIAL, KITA MEMBUNUH NILAI-NILAI MURNI YANG DIHARAPKAN MASYARAKAT TERHADAP PENGAMAL MEDIA.

SAUDARA SAUDARI SEKELIAN,

14. SAYA MENGALU-ALUKAN KELAHIRAN KOSMO SEBAGAI AKHBAR DALAM BAHASA MALAYSIA YANG DITUJUKAN KEPADA PEMBACA SEMUA KAUM, TERUTAMA BAGI GENERASI MUDA. SAYA BERHARAP AGAR KOSMO DAPAT MEMBERI TUMPUAN KEPADA NILAI-NILAI MURNI, DI SAMPING Mencari BAHAN YANG HANYA BOLEH MELARISKAN AKHBAR. SEMOGA KOSMO MENJADI SEBUAH AKHBAR YANG POPULAR DAN BERMAKLUMAT UNTUK TATAPAN SEMUA LAPISAN MASYARAKAT.

15. AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PIHAK UTUSAN MALAYSIA DI ATAS KEJAYAANNYA MENERBITKAN SEBUAH LAGI AKHBAR MEREKA. DENGAN MENINGKATKANNYA PILIHAN PEMBACA INI, ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA AGAR SEMUA PIHAK MEMEGANG RASA TANGGUNGJAWAB UNTUK MENYAMPAIKAN MAKLUMAT YANG DAPAT MEMBINA ANAK BANGSA KE ARAH YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.

DENGAN INI DAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN AKHBAR KOSMO, TERBITAN UTUSAN MALAYSIA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.